



TEKNOLOGI SOLAR UNTUK MASYARAKAT

Oleh : Nurul Aida Othman

Atas rasa tanggungjawab bagi membantu masyarakat setempat, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (PPKSE) berinisiatif melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dengan melakukan pemasangan panel teknologi solar di beberapa buah lokasi di seluruh Malaysia.

Terkini kumpulan penyelidik yang terdiri daripada Dr. Baharuddin Ismail, Ir Ahmad Zaidi Abdullah dari PPK Sistem Elektrik dan Ir Dr. Sanna Taking dari PPK Mikroelektronik telah menjalankan USR di Masjid Faizuddin Jamalullail, Kampung Egang-Egang Melanu, Semporna Sabah yang merupakan tempat tumpuan lebih 300 komuniti situ pada pertengahan Mei 2019 lalu.

Menurut Dr. Baharuddin, idea untuk menjalankan USR kepada masyarakat ini dicetuskan oleh mantan Naib Canselor UniMAP kedua iaitu Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zaidi Jamal dan juga dekan PPK Sistem Elektrik iaitu Dr. Haziah Abdul Hamid sebagai salah satu cara perkhidmatan kepada masyarakat.

"UniMAP bertanggungjawab untuk berkongsi segala ilmu dan teknologi terkini untuk dimanfaatkan bersama masyarakat setempat."

"Melalui pemasangan ini sekurang-kurangnya dapat memberikan keselesaan kepada jemaah masjid untuk beribadat di masjid," katanya.

Tambahnya lagi, melalui sistem tersebut lampu di kawasan tempat wuduk dan tandas dijana sepenuhnya melalui panel solar yang dipasang di atas bumbung bangunan tersebut di mana tenaga solar dijana pada siang hari akan disimpan dalam bateri dan digunakan pada waktu malam. Selain itu lampu jalan berteknologi solar juga turut dipasang bagi menerangi bahagian hadapan masjid tersebut pada waktu malam.

"Ini bukan sahaja memberikan penjimatan malah memelihara alam sekitar melalui penghasilan tenaga elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.



Selain di Semporna, teknologi solar ini turut dipasang di dua lokasi berbeza iaitu di gelanggang futsal Kampung Kudong, Labis Johor dan juga surau Kampung Balik Guar di Perlis.

Katanya lagi, papan kenyataan mengenai sistem solar tersebut turut dipasang sebagai rujukan masyarakat setempat supaya dapat memahami operasi sistem bekalan tenaga semula jadi itu.

"Ini membuktikan UniMAP juga ingin berkongsi ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.

Terdahulu UniMAP memulakan USR panel solar ini ke sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia, antaranya Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis dan Maktab Rendah Sains MARA Kubang Pasu, Kedah, Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Laut di Tumpat sebelum beralih kepada khidmat komuniti bermula 2018.